

A BILL

*i n t i t u l e d*

An Act to provide for the national language text of the Co-operative College (Incorporation) (Amendment) Act 2011, and to amend the Akta Maktab Kerjasama (Pemerbadanan) 1968 and the Co-operative College (Incorporation) Act 1968.

[ ]

**ENACTED** by the Parliament of Malaysia as follows:

PART I

PRELIMINARY

**Short title and commencement**

**1.** (1) This Act may be cited as the Co-operative College (Incorporation) (Amendment) Act 2018.

(2) Part II of this Act is deemed to have come into operation on 1 September 2011.

(3) Parts III and IV of this Act come into operation on a date to be appointed by the Minister by notification in the *Gazette*.

## PART II

AMENDMENTS TO THE NATIONAL LANGUAGE TEXT OF THE CO-OPERATIVE COLLEGE (INCORPORATION) (AMENDMENT) ACT 2011

**Substitution of sections 2 to 13**

2. The national language text of the Co-Operative College (Incorporation) (Amendment) Act 2011 [*Act A1398*], which is referred to as the “principal Act” in Part II of this Act, is amended by substituting for sections 2 to 13 the following sections:

**‘Penggantian seksyen 2**

2. Akta Maktab Kerjasama (Pemerbadanan) 1968 [*Akta No. 35 tahun 1968*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dengan menggantikan seksyen 2 dengan seksyen yang berikut:

**“Tafsiran**

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Ketua Pengarah” ertinya Ketua Pengarah Maktab yang dilantik di bawah subseksyen 4L(1);

“Kumpulan Wang Rizab” ertinya Kumpulan Wang Rizab yang ditubuhkan di bawah seksyen 7A;

“Kumpulan Wang Simpanan Bercarum” ertinya Kumpulan Wang Simpanan Bercarum yang ditubuhkan di bawah seksyen 7B;

“Lembaga” ertinya Lembaga Maktab Koperasi Malaysia yang ditubuhkan di bawah seksyen 4B;

“Maktab” ertinya Maktab Koperasi Malaysia yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pembangunan koperasi;

“tahun kewangan” ertinya tempoh dari satu haribulan Januari hingga tiga puluh satu haribulan Disember dalam sesuatu tahun.”.

### **Penggantian seksyen 3**

3. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 3 dengan seksyen yang berikut:

#### **“Penubuhan Maktab Koperasi Malaysia**

3. (1) Suatu pertubuhan perbadanan dengan nama “Co-operative College of Malaysia” atau, dalam bahasa kebangsaan, “Maktab Koperasi Malaysia” ditubuhkan.

(2) Maktab adalah kekal turun-temurun dan mempunyai meterai perbadanan.

(3) Maktab boleh membawa guaman dan dibawa guaman terhadapnya atas nama perbadanannya.

(4) Tertakluk kepada dan bagi maksud Akta ini, Maktab boleh, atas apa-apa terma sebagaimana yang difikirkannya patut—

(a) membuat kontrak;

(b) memperoleh, membeli, mengambil, memegang dan menikmati harta alih dan tak alih yang boleh menjadi terletak hak padanya melalui pembelian, atau melalui apa-apa pertukaran, pemberian, derma, pajakan, pemberian berwasiat atau selainnya;

(c) memindahhakkan, menyerahhakkan, menyerahkan balik, memulangkan, menggadaikan, menjual, menggadaijanjikan, memajak, menukarkan, menyerahhakkan semula, memindahkan hakmilik atau selainnya melupuskan, atau membuat urusan mengenai, apa-apa harta alih atau tak alih apa-apa perihalan atau apa-apa kepentingan dalamnya yang terletak hak pada Maktab atas apa-apa terma sebagaimana yang difikirkannya patut; dan

(d) menjalankan, melaksanakan dan menunaikan, mengikut peruntukan Akta ini, segala kuasa, fungsi dan kewajipan yang diberikan, diperuntukkan atau dikenakan ke atas Maktab oleh mana-mana peruntukan.”.

## **Penggantian seksyen 4**

4. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 4 dengan seksyen yang berikut:

### **“Fungsi Maktab**

4. Fungsi Maktab adalah seperti yang berikut:

- (a) untuk menyediakan suatu kursus dalam pengajian koperasi dan apa-apa kursus pengajian lain dan membuat apa-apa penganugerahan diploma sebagaimana yang difikirkan patut oleh Maktab;
- (b) untuk mencetak atau menerbitkan, atau membantu dalam pencetakan atau penerbitan, buku tentang koperasi atau apa-apa mata pelajaran yang berkaitan dengannya;
- (c) untuk membuat apa-apa kaedah-kaedah sebagaimana yang perlu untuk mengawal selia tanggungjawab dan kawalan pegawai dan kakitangan Maktab dan untuk mengenakan apa-apa fi yang kena dibayar berkenaan dengan apa-apa kursus pengajian sebagaimana yang difikirkannya patut;
- (d) untuk menjalankan penyelidikan mengenai perkara-perkara koperasi;
- (e) untuk menyediakan perkhidmatan perundingan;
- (f) untuk menjalankan kursus dalam pengajian koperasi dan apa-apa kursus pengajian lain, secara berse sama atau bersekutu, gabungan, usaha sama atau selainnya, dengan mana-mana institusi pendidikan tinggi atau badan profesional, atau mana-mana pertubuhan, di dalam atau di luar Malaysia; dan
- (g) untuk menasihati Menteri mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan latihan dan pendidikan koperasi.”.

**Seksyen baharu 4A hingga 4P**

**5.** Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 4 seksyen yang berikut:

**“Kuasa Maktab**

**4A.** Maktab hendaklah, tertakluk kepada peruntukan Akta ini, mempunyai kuasa untuk—

- (a) menganugerahkan diploma, sijil dan kelayakan yang setaraf kepada orang yang mengikuti kursus pengajian yang dikendalikan oleh Maktab dan telah memenuhi apa-apa kehendak lain sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga, atau sebagaimana yang boleh ditetapkan;
- (b) memulakan dan menganugerahkan biasiswa, dermasiswa, pingat, hadiah dan bentuk lain bagi kepujian, anugerah atau bantuan berkenaan dengan latihan, pendidikan dan perkhidmatan berasaskan pengetahuan yang disediakan oleh Maktab;
- (c) memberikan pinjaman atau bantuan kewangan untuk pelajar yang memerlukan mengikut apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang diluluskan oleh Lembaga;
- (d) memasarkan atau mengkomersialkan perkhidmatan, dapatan penyelidikan dan keluaran Maktab;
- (e) meminta dan menerima apa-apa fi sebagaimana yang boleh dari semasa ke semasa ditentukan oleh Lembaga atau sebagaimana yang ditetapkan;
- (f) melakukan apa-apa perkara, sama ada yang bersampingan dengan kuasa itu atau tidak, yang boleh dilakukan bagi pengembangan pendidikan, latihan, kewangan, pentadbiran, kebajikan dan tata tertib dalam Maktab; dan
- (g) menubuhkan atau menggalakkan penubuhan syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] untuk menjalankan atau terlibat dalam apa-apa aktiviti yang telah dirancang atau dijalankan oleh Maktab dengan kelulusan Menteri Kewangan.

**Lembaga Maktab**

**4B.** (1) Maktab hendaklah ditadbirkan oleh Lembaga Maktab yang terdiri daripada anggota yang berikut:

- (a) Pengerusi;
- (b) Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia sebagai Timbalan Pengerusi;
- (c) Ketua Pengarah Maktab;
- (d) seorang wakil Perbendaharaan;
- (e) seorang wakil Kementerian yang bertanggungjawab bagi pembangunan koperasi;
- (f) seorang wakil Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA);
- (g) enam orang yang mewakili pergerakan koperasi; dan
- (h) tiga orang lain yang, pada pendapat Menteri, mempunyai kelayakan atau pengalaman dalam perkara yang berhubungan dengan pembangunan, pengendalian atau kebajikan Maktab.

(2) Anggota yang disebut dalam perenggan (1)(a), (d), (e), (f), (g) dan (h)—

- (a) hendaklah dilantik oleh Menteri selama tempoh tidak melebihi dua tahun; dan
- (b) hendaklah layak untuk dilantik semula apabila habis tempoh jawatannya.

(3) Seorang pegawai kanan Maktab hendaklah dilantik oleh Lembaga sebagai Setiausaha kepada Lembaga tetapi tidak mempunyai hak untuk mengundi.

(4) Anggota Lembaga yang dilantik di bawah perenggan (1)(a), (d), (e), (f), (g) dan (h) boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya melalui surat yang dialamatkan kepada Menteri.

(5) Jika seseorang anggota yang dilantik di bawah perenggan (1)(a), (d), (e), (f), (g) dan (h) terhenti menjadi anggota Lembaga, Menteri boleh melantik seorang yang lain untuk mengisi kekosongan itu bagi baki tempoh yang anggota yang mengosongkan jawatan itu dilantik.

(6) Tertakluk kepada Akta ini, Lembaga boleh menentukan tataranya sendiri.

### **Kehilangan kelayakan daripada menjadi anggota Lembaga**

**4c.** Seseorang hendaklah hilang kelayakan daripada dilantik atau menjadi anggota Lembaga—

(a) jika dibuktikan terhadapnya, atau dia telah disabitkan atas suatu pertuduhan berkenaan dengan—

(i) suatu kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;

(ii) suatu kesalahan di bawah undang-undang yang berhubungan dengan rasuah;

(iii) suatu kesalahan di bawah Akta ini; atau

(iv) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan (sama ada pemenjaraan sahaja atau sebagai tambahan kepada atau sebagai ganti denda) selama tempoh lebih daripada dua tahun;

(b) jika dia menjadi bankrap; atau

(c) jika dia telah didapati atau diisytiharkan sebagai tidak sempurna akal atau selainnya menjadi tidak berupaya untuk menguruskan hal ehwalnya.

### **Penjalanan sementara fungsi Pengerusi**

**4d.** (1) Jika Pengerusi atas apa-apa sebab tidak berupaya untuk melaksanakan fungsinya atau semasa mana-mana tempoh kekosongan jawatan Pengerusi, Timbalan Pengerusi hendaklah melaksanakan fungsi Pengerusi.

(2) Jika kedua-dua Pengerusi dan Timbalan Pengerusi atas apa-apa sebab tidak berupaya untuk melaksanakan fungsi Pengerusi atau semasa apa-apa tempoh kekosongan jawatan Pengerusi dan Timbalan Pengerusi, Menteri boleh melantik mana-mana anggota Lembaga untuk melaksanakan fungsi Pengerusi.

(3) Timbalan Pengerusi atau anggota yang dilantik di bawah subseksyen (2), mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah, semasa tempoh dia melaksanakan fungsi Pengerusi di bawah seksyen ini, disifatkan sebagai Pengerusi dan hendaklah mempunyai segala kuasa Pengerusi.

### **Pengosongan jawatan**

**4E.** Jawatan seseorang anggota Lembaga yang disebut dalam subseksyen 4B(1) hendaklah menjadi kosong—

- (a) apabila anggota itu mati;
- (b) apabila anggota itu meletakkan jawatan melalui surat yang dialamatkan kepada Menteri; atau
- (c) apabila habis tempoh atau pembatalan pelantikannya.

### **Pembatalan pelantikan**

**4F.** (1) Menteri boleh membatalkan pelantikan seseorang anggota Lembaga yang disebut dalam perenggan (1)(a), (d), (e), (f), (g) dan (h)—

- (a) jika kelakuannya, sama ada yang berkaitan dengan tugasnya sebagai anggota Lembaga atau selainnya, ialah kelakuan yang memburukkan nama Lembaga atau Maktab;
- (b) jika dia menjadi tidak berupaya untuk menjalankan dengan sepatutnya tugasnya sebagai anggota Lembaga;



- (c) jika dibuktikan terhadapnya, atau dia telah disabitkan atas, suatu pertuduhan berkenaan dengan—
  - (i) suatu kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;
  - (ii) suatu kesalahan di bawah undang-undang yang berhubungan dengan rasuah;
  - (iii) suatu kesalahan di bawah Akta ini; atau
  - (iv) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan (sama ada pemenjaraan sahaja atau sebagai tambahan kepada atau sebagai ganti denda) selama tempoh lebih daripada dua tahun;
- (d) jika dia menjadi bankrap;
- (e) jika dia telah didapati atau diisytiharkan sebagai tidak sempurna akal atau selainnya menjadi tidak berupaya untuk menguruskan hal ehwalnya; atau
- (f) jika dia tidak menghadiri mesyuarat Lembaga tiga kali berturut-turut tanpa mendapat kebenaran secara bertulis daripada Pengerusi, atau dalam hal Pengerusi, tanpa kebenaran Menteri.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), pelantikan mana-mana anggota boleh pada bila-bila masa dibatalkan oleh Menteri tanpa memberikan sebab bagi pembatalan itu.

### **Mesyuarat Lembaga**

**4G.** (1) Lembaga hendaklah bermesyuarat seberapa kerap yang perlu tetapi tidak kurang daripada empat kali setahun bagi maksud mempertimbangkan aktivitiinya.

(2) Kuorum Lembaga ialah tujuh.

(3) Jika atas apa-apa persoalan untuk ditentukan oleh Lembaga terdapat undi yang sama rata, Pengerusi hendaklah mempunnyai undi pemutus.

(4) Lembaga hendaklah menyebabkan minit semua mesyuaratnya disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya.

(5) Apa-apa minit mesyuarat Lembaga yang dibuat hendaklah, jika ditandatangani sewajarnya oleh Pengerusi, diterima sebagai keterangan dalam semua prosiding undang-undang tanpa bukti selanjutnya dan tiap-tiap mesyuarat Lembaga yang berkenaan dengannya minit mesyuarat telah dibuat hendaklah disifatkan sebagai telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan semua anggota dalam mesyuarat itu layak dengan sewajarnya untuk bertindak.

### **Penzahiran kepentingan**

**4H.** (1) Seseorang anggota Lembaga yang mempunyai, secara langsung atau tidak langsung, dengan sendiri atau melalui pekongsinya—

- (a) apa-apa kepentingan dalam mana-mana syarikat atau perusahaan yang dengannya Lembaga bercadang untuk membuat kontrak; atau
- (b) apa-apa kepentingan dalam mana-mana kontrak itu atau dalam apa-apa perkara yang sedang dibincangkan oleh Lembaga,

hendaklah dizahirkan kepada Lembaga mengenai hakikat dan jenis kepentingannya.

(2) Penzahiran di bawah subseksyen (1) hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat Lembaga dan, melainkan jika dibenarkan secara khusus oleh Pengerusi, anggota itu tidak boleh mengambil bahagian dalam apa-apa pertimbangan atau keputusan Lembaga yang berhubungan dengan kontrak atau perkara itu.

(3) Tiada tindakan atau prosiding Lembaga boleh ditidaksahkan atas alasan bahawa mana-mana anggota Lembaga telah melanggar seksyen ini.

### **Lembaga boleh mengundang orang lain dalam mesyuarat**

**4i.** (1) Lembaga boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mesyuarat atau pertimbangtelitian Lembaga bagi maksud menasihati Lembaga mengenai apa-apa perkara yang sedang dibincangkan tetapi orang itu tidak berhak untuk mengundi dalam mesyuarat atau pertimbangtelitian itu.

(2) Seseorang yang diundang di bawah subseksyen (1) boleh dibayar apa-apa elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

### **Elaun**

**4j.** Anggota Lembaga yang dilantik di bawah subseksyen 4B(1) dan anggota mana-mana jawatankuasa yang dilantik di bawah seksyen 5A boleh dibayar apa-apa elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

### **Kesahan tindakan dan prosiding**

**4k.** Tiada tindakan yang dilakukan atau prosiding yang diambil di bawah Akta ini boleh dipersoalkan atas alasan—

- (a) suatu kekosongan dalam keanggotaan, atau kecacatan dalam perlembagaan, Lembaga; atau
- (b) suatu peninggalan, kecacatan atau ketidakteraturan yang tidak menyentuh merit kes itu.

### **Pelantikan Ketua Pengarah**

**4l.** (1) Menteri hendaklah melantik seorang Ketua Pengarah atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

(2) Ketua Pengarah hendaklah memegang jawatan selama tempoh yang tidak melebihi tiga tahun dan adalah layak untuk dilantik semula.

(3) Lembaga hendaklah meletakkan pada Ketua Pengarah apa-apa kuasa dan hendaklah mengenakan ke atasnya apa-apa kewajipan sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

### **Pelantikan pegawai dan kakitangan**

**4M.** (1) Maktab boleh melantik, atas apa-apa terma dan syarat perkhidmatan sebagaimana yang diluluskan oleh Lembaga, apa-apa bilangan Timbalan Ketua Pengarah, pegawai dan kakitangan lain, sebagaimana yang perlu untuk menjalankan maksud Maktab.

(2) Timbalan Ketua Pengarah hendaklah tertakluk kepada arahan dan kawalan Ketua Pengarah dan boleh melaksanakan segala kewajipan Ketua Pengarah di bawah Akta ini.

### **Cawangan Maktab**

**4N.** (1) Lembaga boleh menubuhkan dan menyenggarakan apa-apa cawangan atau cawangan-cawangan Maktab di mana-mana tempat atau tempat-tempat di Malaysia atau di mana-mana jua sebagaimana yang Lembaga berpendapat bahawa adalah wajar bagi maksud menjalankan peruntukan Akta ini.

(2) Lembaga hendaklah melantik berkenaan dengan suatu cawangan, seorang Pengarah Cawangan yang hendaklah menjadi ketua eksekutif, pegawai pentadbiran dan akademik cawangan, dan dia hendaklah melaksanakan fungsinya dan menunaikan kewajibannya di bawah arahan dan kawalan Ketua Pengarah.

### **Kuasa Menteri untuk memberikan arahan**

**4O.** (1) Lembaga hendaklah bertanggungjawab kepada Menteri.

(2) Menteri boleh memberikan kepada Lembaga arahan yang bersifat am yang selaras dengan peruntukan Akta ini, yang berhubungan dengan pelaksanaan fungsi dan penjalanan kuasa Lembaga.

(3) Lembaga hendaklah melaksanakan segala arahan yang diberikan di bawah seksyen ini secepat yang dapat dilaksanakan.

### **Meterai perbadanan Maktab**

**4p.** (1) Meterai perbadanan Maktab boleh dari semasa ke semasa dipecahkan, ditukarkan, diubah dan dibuat baharu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga.

(2) Meterai perbadanan Maktab hendaklah disimpan dalam jagaan Ketua Pengarah dan hendaklah digunakan dengan kebenaran Lembaga.

(3) Meterai perbadanan Maktab hendaklah dicapkan pada semua diploma dan sijil dan ditandatangani oleh—

(a) Ketua Pengarah atau, semasa ketiadaannya, seorang anggota lain Lembaga yang diberi kuasa secara bertulis oleh Lembaga; dan

(b) mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Lembaga,

dan tandatangan itu hendaklah menjadi keterangan yang mencukupi bahawa meterai itu telah dicapkan dengan sewajarnya dan sepatutnya dan bahawa meterai itu adalah meterai Maktab yang sah.

(4) Meterai Maktab hendaklah diberikan pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

(5) Apa-apa dokumen atau surat cara yang jika disempurnakan oleh seseorang yang bukan suatu pertubuhan perbadanan tidak dikehendaki supaya dimeterai boleh disempurnakan mengikut cara yang serupa oleh Maktab; dan apa-apa dokumen atau surat cara itu boleh disempurnakan bagi pihak Maktab oleh Ketua Pengarah, atau oleh mana-mana orang yang diberi kuasa secara bertulis oleh Lembaga secara am atau khusus.”.

## **Penggantian seksyen 5**

**6.** Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 5 dengan seksyen yang berikut:

### **“Jawatankuasa Pengajian**

**5.** (1) Bagi maksud menjalankan fungsinya di bawah perenggan 4(a), Lembaga hendaklah melantik suatu Jawatankuasa Pengajian yang hendaklah membuat syor kepada Lembaga mengenai sukatan pelajaran yang sesuai yang dikehendaki berkenaan dengan apa-apa kursus pengajian, cara bagaimana peperiksaan bagi penganugerahan apa-apa diploma berkenaan dengan apa-apa kursus pengajian boleh dikendalikan, dan mengenai apa-apa perkara lain yang berhubungan dengan apa-apa kursus pengajian sebagaimana yang boleh dirujuk oleh Maktab kepada Jawatankuasa Pengajian.

(2) Jawatankuasa Pengajian hendaklah termasuk orang yang berikut:

- (a) Ketua Pengarah yang hendaklah menjadi Pengerusi Jawatankuasa Pengajian;
- (b) Timbalan Ketua Pengarah;
- (c) seorang wakil daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia; dan
- (d) dua orang wakil daripada mana-mana institusi pengajian tinggi.

(3) Seorang pegawai kanan Maktab hendaklah dilantik sebagai Setiausaha kepada Jawatankuasa Pengajian.

(4) Tertakluk kepada apa-apa arahan yang diberikan oleh Maktab, Jawatankuasa Pengajian hendaklah menentukan tataranya sendiri.

(5) Pengerusi Jawatankuasa Pengajian boleh mengundang mana-mana orang lain untuk menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Pengajian untuk memberi nasihat mengenai apa-apa perkara yang berhubungan dengan apa-apa kursus pengajian sebagaimana yang difikirkan patut oleh Jawatankuasa Pengajian.”.

**Seksyen baharu 5A**

7. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 5 seksyen yang berikut:

**“Kuasa Lembaga untuk menubuhkan jawatankuasa lain**

**5A.** Lembaga boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa sebagaimana yang difikirkannya patut dan tertakluk kepada apa-apa arahan oleh Lembaga, suatu jawatankuasa yang dilantik sedemikian hendaklah menentukan tatacaranya sendiri.”.

**Seksyen baharu 7A dan 7B**

8. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 7 seksyen yang berikut:

**“Kumpulan Wang Rizab**

**7A.** (1) Maktab boleh menubuhkan dan menguruskan suatu Kumpulan Wang Rizab.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (3), pembayaran ke dalam dan keluar daripada Kumpulan Wang Rizab hendaklah ditentukan oleh Lembaga.

(3) Kumpulan Wang Rizab tidak boleh digunakan selain bagi maksud Maktab.

**Kumpulan Wang Simpanan Bercarum**

**7B.** Maktab boleh, dengan kelulusan Menteri dan dengan persetujuan Perbendaharaan, menubuhkan dan menguruskan suatu Kumpulan Wang Simpanan Bercarum bagi Ketua Pengarah yang dilantik di bawah seksyen 4L dan pegawai dan kakitangan yang dilantik di bawah seksyen 4M.”.

**Seksyen baharu 8A**

9. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 8 seksyen yang berikut:

**“Hadiah**

8A. (1) Lembaga boleh, bagi pihak Maktab, menerima dengan cara pemberian, hadiah, pemberian berwasiat, bantuan, warisan atau selainnya, apa-apa harta dan wang sebagai bantuan kewangan Maktab atas apa-apa syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

(2) Apa-apa harta atau wang yang diterima oleh Maktab di bawah subseksyen (1) hendaklah, tertakluk kepada terma dan syarat yang padanya harta atau wang itu diberikan dan diterima, digunakan oleh Lembaga untuk kesemua atau mana-mana maksud Maktab mengikut Akta ini.

(3) Suatu daftar hendaklah disimpan berkenaan dengan semua harta dan wang yang diterima oleh Lembaga di bawah subseksyen (1), termasuk nama penderma dan apa-apa syarat khas yang padanya harta dan wang itu telah diberikan.

(4) Semua harta dan wang yang diberikan dan diterima bagi apa-apa maksud tertentu hendaklah digunakan dan ditadbirkan mengikut maksud yang baginya harta dan wang itu diberikan dan diterima dan hendaklah diakaunkan secara berasingan.”.

**Pindaan seksyen 10**

10. Seksyen 10 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Majlis” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Lembaga”.

**Pindaan seksyen 11**

11. Seksyen 11 Akta ibu dipinda dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “Majlis” dengan perkataan “Lembaga”.

**Pindaan seksyen 12**

12. Seksyen 12 Akta ibu dipinda dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “Majlis” dengan perkataan “Lembaga”.



**Seksyen baharu 12A hingga 12G**

**13.** Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 12 seksyen yang berikut:

**“Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948**

**12A.** Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*] hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Maktab atau terhadap Lembaga, mana-mana anggota Lembaga, mana-mana anggota jawatankuasa, atau mana-mana pegawai, kakitangan atau ejen Maktab berkenaan dengan apa-apa perbuatan, pengabaian atau keingkaran yang dilakukan oleh Maktab atau olehnya, mengikut mana-mana yang berkenaan, atas sifat yang sedemikian.

**Pekhidmat awam**

**12B.** Tiap-tiap anggota Lembaga, atau mana-mana pegawai, kakitangan atau ejen Maktab, semasa menunaikan kewajipannya di bawah Akta ini sebagai anggota, pegawai, kakitangan atau ejen itu, hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

**Obligasi kerahsiaan**

**12c.** (1) Kecuali bagi maksud Akta ini atau apa-apa prosiding sivil atau jenayah di bawah mana-mana undang-undang bertulis, seseorang anggota Lembaga, atau mana-mana pegawai, kakitangan atau ejen Maktab, mana-mana anggota jawatankuasa, atau mana-mana orang yang diundang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat Lembaga atau mana-mana jawatankuasa, tidak boleh menzahirkan apa-apa maklumat yang telah diperolehnya semasa menjalankan kewajipannya dan yang tidak disiarkan menurut Akta ini.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

**Prosiding sivil**

**12D.** Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan, dalam apa-apa prosiding sivil oleh atau terhadap Maktab atau dalam apa-apa prosiding lain yang dalamnya Maktab dikehendaki atau dibenarkan oleh mahkamah untuk diwakili, atau didengari, atau selainnya berhak untuk diwakili atau didengari, mana-mana orang atau pegawai Maktab yang diberi kuasa bagi pihak itu melalui arahan khas atau am Ketua Pengarah, boleh bagi pihak Maktab, memulakan prosiding itu atau hadir dalam dan mengendalikan prosiding itu dan boleh membuat semua kehadiran dan permohonan dan melakukan semua perbuatan berkenaan dengan prosiding itu bagi pihak Maktab.

**Perbuatan atau peninggalan yang dilakukan dengan suci hati**

**12E.** Tiada tindakan atau guaman boleh dibawa, dimulakan atau dikekalkan dalam mana-mana mahkamah terhadap—

- (a) Lembaga;
- (b) anggota Lembaga;
- (c) Maktab;
- (d) mana-mana pegawai atau kakitangan Maktab; atau
- (e) mana-mana orang yang bertindak secara sah bagi pihak Maktab,

bagi apa-apa perbuatan atau peninggalan yang dilakukan atau ditinggalkan dengan suci hati pada menjalankan atau menunaikan kuasa atau kewajipannya di bawah Akta ini atas kepercayaan yang munasabah bahawa adalah perlu bagi maksud yang diniatkan untuk disampaikan.

**Kuasa Lembaga untuk membuat kaedah-kaedah dan garis panduan**

**12F.** (1) Lembaga boleh membuat apa-apa kaedah-kaedah dan garis panduan sebagaimana yang perlu bagi maksud menguatkuasakan peruntukan Akta ini.

(2) Secara khususnya, dan tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), kaedah-kaedah dan garis panduan itu boleh memperuntukkan kesemua atau mana-mana perkara yang berikut:

- (a) fungsi dan tugas pegawai dan kakitangan;
- (b) penentuan kehendak yang mengawal selia pengiktirafan dan penganugerahan diploma, sijil dan kelayakan yang setaraf untuk diberikan oleh Maktab;
- (c) syarat dan kemasukan dan kebajikan pelajar;
- (d) borang yang dikehendaki bagi maksud Akta ini; dan
- (e) apa-apa perkara yang tergolong dalam kuasa Maktab di bawah seksyen 4A.

### **Kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan**

**12G.** Menteri boleh membuat peraturan-peraturan—

- (a) yang memperuntukkan tata tertib pelajar Maktab, termasuk menetapkan kesalahan tata tertib, hukuman tata tertib dan tatacara bagi prosiding tata tertib; dan
- (b) mengenai apa-apa perkara sebagaimana yang suai manfaat atau perlu bagi melaksanakan peruntukan Akta ini dengan lebih baik.” ’.

## PART III

### AMENDMENTS TO THE AKTA MAKTAB KERJASAMA (PEMERBADANAN) 1968 [AKTA NO. 35 TAHUN 1968]

#### **Amendment of long title**

**3.** The Akta Maktab Kerjasama (Pemerbadanan) 1968 [*Akta No. 35 tahun 1968*], which is referred to as the “principal Act” in this Part, is amended in the long title by substituting for the words “Maktab Kerjasama” the words “Institut Koperasi”.

**General amendment**

4. Except for section 13, the principal Act is amended by substituting for the word “Maktab” wherever appearing including in the shoulder notes the word “Institut”.

**Amendment of section 1**

5. Subsection 1(1) of the principal Act is amended by substituting for the words “Maktab Kerjasama” the words “Institut Koperasi”.

**Construction of reference to the principal Act**

6. Where, on and after the coming into operation of this Part, a reference is made in any written law to the “Akta Maktab Kerjasama (Pemerbadanan) 1968”, such reference shall be construed as a reference to the “Akta Institut Koperasi (Pemerbadanan) 1968”.

**Reference to “Maktab” under Akta Maktab Kerjasama (Pemerbadanan) 1968**

7. Any reference to the “Maktab” established under the Akta Maktab Kerjasama (Pemerbadanan) 1968 in any written law or document shall, when this Act comes into operation, be construed as a reference to the Institut Koperasi Malaysia.

**Amendment of section 3**

8. Subsection 3(1) of the principal Act is amended by substituting for the word “College” the word “Institute”.

**Amendment of section 7**

9. Subsection 7(1) of the principal Act is amended—

(a) by substituting for the words “Maktab Kerjasama” the words “Institut Koperasi”;

(b) by deleting the word “dan” at the end of paragraph (a);

(c) by substituting for the full stop at the end of paragraph (b) the words “; dan”; and

(d) by inserting after paragraph (b) the following paragraph:

“(c) hendaklah dibayar kepadanya wang yang diterima daripada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi.”.

### **Savings and transitional provisions**

**10.** (1) The change of name from “Maktab Koperasi Malaysia” to the “Institut Koperasi Malaysia” upon the coming into operation of this Part shall not affect any powers, rights, privileges, liabilities, duties or obligations of the Maktab Koperasi Malaysia or render defective any legal proceedings by or against it.

(2) Any legal proceedings that could have been continued or commenced by or against the Maktab Koperasi Malaysia before the coming into operation of this Part may be continued or commenced on and after the coming into operation of this Part in the name of the Institut Koperasi Malaysia.

(3) All deeds, documents and other instruments executed by the Maktab Koperasi Malaysia under the common seal of the “Maktab Koperasi Malaysia” before the coming into operation of this Part shall continue in full force and effect on the coming into operation of this Part.

(4) Any person who is a member of the Board, the Study Committee or any committee of the Maktab Koperasi Malaysia immediately before the coming into operation of this Part shall, on the coming into operation of this Part, continue to be a member of the Board, the Study Committee or any committee of the Institut Koperasi Malaysia, as the case may be.

(5) All officers and staff appointed by the Maktab Koperasi Malaysia immediately before the coming into operation of this Part shall, on the coming into operation of this Part, be deemed to have been appointed by the Institut Koperasi Malaysia on terms and conditions of service which are not less favourable than the terms and conditions of service applicable to them immediately before the coming into operation of this Part.

(6) If changes are made on and after the coming into operation of this Part, with respect to the conditions of service of the officers and staff of the Institut Koperasi Malaysia who are deemed under subsection (5) to have been employed by the Institute, they shall be given an option whether to continue to be subject to the existing conditions of service or to be subject to the new conditions of service.

(7) All moneys contained in or due to be paid to the Kumpulan Wang Maktab Kerjasama Malaysia established under the principal Act shall, upon the coming into operation of this Part, be transferred to and be deemed to be part of the Kumpulan Wang Institut Koperasi Malaysia.

(8) Any other assets, shares and liabilities belonging to the Kumpulan Wang Maktab Kerjasama Malaysia immediately before the coming into operation of this Part shall become, upon the coming into operation of this Part, the assets, shares and liabilities of the Kumpulan Wang Institut Koperasi Malaysia.

(9) All moneys contained in the Kumpulan Wang Rizab and the Kumpulan Wang Simpanan Bercarum of the Maktab Koperasi Malaysia shall, upon the coming into operation of this Part, be transferred to and be deemed to be part of the Kumpulan Wang Rizab and the Kumpulan Wang Simpanan Bercarum of the Institut Koperasi Malaysia.”.

## PART IV

### AMENDMENTS TO THE CO-OPERATIVE COLLEGE (INCORPORATION) ACT 1968 [ACT 437]

#### **Amendment of long title**

**11.** The Co-operative College (Incorporation) Act 1968 [Act 437], which is referred to as the “principal Act” in this Part, is amended in the long title by substituting for the word “College” the word “Institute”.

#### **General amendment**

**12.** Except for section 13, the principal Act is amended by substituting for the word “College” wherever appearing including in the shoulder notes the word “Institute”.

**Amendment of section 1**

**13.** Subsection 1(1) of the principal Act is amended by substituting for the words “Co-operative College” the words “Co-operative Institute”.

**Construction of reference to the principal Act**

**14.** Where, on and after the coming into operation of this Part, a reference is made in any written law to the “Co-operative College (Incorporation) Act 1968”, such reference shall be construed as a reference to the “Co-operative Institute (Incorporation) Act 1968”.

**Reference to “College” under the Co-operative College (Incorporation) Act 1968**

**15.** Any reference to the “College” established under the Co-operative College (Incorporation) Act 1968 in any written law or document shall, when this Act comes into operation, be construed as a reference to the Co-operative Institute of Malaysia.

**Amendment of section 7**

**16.** Subsection 7(1) of the principal Act is amended—

(a) by deleting the word “and” at the end of paragraph (a);

(b) by substituting for the full stop at the end of paragraph (b) the words “; and”; and

(c) by inserting after paragraph (b) the following paragraph:

“(c) into which shall be paid sums received from the Co-operative Societies Education Trust Fund.”.

**Savings and transitional provisions**

17. (1) The change of name from “Co-operative College of Malaysia” to the “Co-operative Institute of Malaysia” upon the coming into operation of this Part shall not affect any powers, rights, privileges, liabilities, duties or obligations of the Co-operative College of Malaysia or render defective any legal proceedings by or against it.

(2) Any legal proceedings that could have been continued or commenced by or against the Co-operative College of Malaysia before the coming into operation of this Part may be continued or commenced on and after the the coming into operation of this Part in the name of the Co-operative Institute of Malaysia.

(3) All deeds, documents and other instruments executed by the Co-operative College of Malaysia under the common seal of the “Co-operative College of Malaysia” before the coming into operation of this Part shall continue in full force and effect on the coming into operation of this Part.

(4) Any person who is a member of the Board, the Study Committee or any committee of the Co-operative College of Malaysia immediately before the coming into operation of this Part shall, on the coming into operation of this Part, continue to be a member of the Board, the Study Committee or any committee of the Co-operative Institute of Malaysia, as the case may be.

(5) All officers and staff appointed by the Co-operative College of Malaysia immediately before the coming into operation of this Part shall, on the coming into operation of this Part, be deemed to have been appointed by the Co-operative Institute of Malaysia on terms and conditions of service which are not less favourable than the terms and conditions of service applicable to them immediately before the coming into operation of this Part.

(6) If changes are made on and after the coming into operation of this Part, with respect to the conditions of service of the officers and staff of the Co-operative Institute of Malaysia who are deemed under subsection (5) to have been employed by the Institute, they shall be given an option whether to continue to be subject to the existing conditions of service or to be subject to the new conditions of service.



(7) All moneys contained in or due to be paid to the Co-operative College of Malaysia Fund established under the principal Act shall, upon the coming into operation of this Part, be transferred to and be deemed to be part of the Co-operative Institute of Malaysia Fund.

(8) Any other assets, shares and liabilities belonging to the Co-operative College of Malaysia Fund immediately before the coming into operation of this Part shall become, upon the coming into operation of this Part, the assets, shares and liabilities of the Co-operative Institute of Malaysia Fund.

(9) All moneys contained in the Reserve Fund and the Contributory Provident Fund of the Co-operative College of Malaysia shall, upon the coming into operation of this Part, be transferred to and be deemed to be part of the Reserve Fund and the Contributory Provident Fund of the Co-operative Institute of Malaysia.”.

---

## EXPLANATORY STATEMENT

This Bill seeks to provide for the national language text of the Co-operative College (Incorporation) (Amendment) Act 2011 (“Act A1398”), and to amend the Akta Maktab Kerjasama (Pemerbadanan) 1968 (“Akta No. 35 tahun 1968”) and the Co-operative College (Incorporation) Act 1968 (“Act 437”).

### PART I

#### PRELIMINARY

2. *Clause 1* contains the short title and commencement of the proposed Act.

### PART II

#### AMENDMENTS TO THE NATIONAL LANGUAGE TEXT OF THE CO-OPERATIVE COLLEGE (INCORPORATION) (AMENDMENT) ACT 2011

Part II of the proposed Act seeks to amend the national language text of the Co-operative College (Incorporation) (Amendment) Act 2011 [*Act A1398*]. The Co-operative College (Incorporation) (Amendment) Act 2011 has been passed by the Dewan Rakyat on 14 June 2011 and the Dewan Negara on 4 July 2011. Subsequently the Co-operative College (Incorporation) (Amendment) Act 2011 has been assented by His Majesty the Yang di-Pertuan Agong on 5 August 2011 and published in the *Gazette* on 18 August 2011.

## PART III

AMENDMENTS TO THE AKTA MAKTAB KERJASAMA (PEMERBADANAN) 1968  
[AKTA NO. 35 TAHUN 1968]

Part III of the proposed Act seeks to amend Akta No. 35 tahun 1968.

3. *Clause 3* seeks to amend the long title of Akta No. 35 tahun 1968 in consequence of the amendment to the short title of Akta No. 35 tahun 1968. The short title in subsection 1(1) of Akta No. 35 tahun 1968 is to be amended by *clause 5*.

4. *Clause 4* seeks to provide for a general amendment to substitute for the word “Maktab” the word “Institut” except for section 13 of Akta No. 35 tahun 1968 in consequence of the amendment to the short title of Akta No. 35 tahun 1968. The substitution of the word “Maktab” to the word “Institut” seeks to enable a comprehensive transformation of the Institute to be on par with other training institutions in relation to co-operative at the international level.

5. *Clause 6* seeks to provide that any reference in any written law to the “Akta Maktab Kerjasama (Pemerbadanan) 1968” shall, after the proposed Act comes into operation, be construed as a reference to the “Akta Institut Koperasi (Pemerbadanan) 1968”.

6. *Clause 7* seeks to provide that any reference to the “Maktab” established under Akta Maktab Kerjasama (Pemerbadanan) 1968 in any written law or document shall, after the proposed Act comes into operation, be construed as a reference to the Institut Koperasi Malaysia.

7. *Clause 9* seeks to amend section 7 of Akta No. 35 tahun 1968 to provide for the allocation received by the Institute from the Co-operative Education Trust Fund which is administered by the Malaysia Co-operative Societies Commission.

8. *Clause 10* provides for savings and transitional provisions.

## PART IV

AMENDMENTS TO THE CO-OPERATIVE COLLEGE (INCORPORATION)  
ACT 1968 [ACT 437]

9. *Clause 11* seeks to amend the long title of Act 437 in consequence of the amendment to the short title of Act 437. The short title in subsection 1(1) of Act 437 is to be amended by *clause 13*.

10. *Clause 12* seeks to provide for a general amendment to substitute for the word “College” the word “Institute” except for section 13 of Act 437 in consequence of the amendment to the short title of Act 437. The substitution of the word “College” to the word “Institute” to enable a comprehensive transformation of the Institute to be on par with other training institutions in relation to co-operative at the international level.

11. *Clause 14* seeks to provide that any reference in any written law to the “Co-operative College (Incorporation) Act 1968” shall, after the proposed Act comes into operation, be construed as a reference to the “Co-operative Institute of Malaysia (Incorporation) Act 1968”.

12. *Clause 15* seeks to provide that any reference to the “College” established under the Co-operative College (Incorporation) Act 1968 in any written law or document shall, after the proposed Act comes into operation, be construed as a reference to the Co-operative Institute of Malaysia.

13. *Clause 16* seeks to amend section 7 of Act 437 to provide for the allocation received by the Institute from the Co-operative Education Trust Fund which administered by the Malaysia Co-operative Societies Commission.

14. *Clause 17* provides for savings and transitional provisions.

15. Other amendments not specifically dealt with in this Statement are minor and consequential in nature.

*FINANCIAL IMPLICATIONS*

This Bill will not involve the Government in any extra financial expenditure.

[PN(U2)3027]